

PERKEMBANGAN MODAL SOSIAL DALAM KALANGAN KOMUNITI ATAS TALIAN

WAN MUNIRA WAN JAAFAR

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan isu integrasi sosial dalam konteks modal sosial melalui kajian terhadap enam (6) komuniti atas talian terpilih di Malaysia. Modal sosial merujuk kepada model koperatif yang bermaksud kekuatan sesebuah komuniti itu terletak pada jaringan sosial yang terbina dalam kalangan ahlinya. Perubahan dalam hubungan sosial yang dibawa oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah memberikan idea untuk mengaplikasikan konsep modal sosial dalam konteks komuniti atas talian atau e-komuniti. Secara definisinya, e-komuniti bermaksud sekumpulan manusia yang membina komuniti dan berinteraksi di antara satu sama lain secara kerap dalam Internet. Kaedah pengumpulan data utama adalah melalui kajian tinjauan atas talian terhadap 162 ahli e-komuniti dan temubual bersama lapan (8) pentadbir e-komuniti, dua (2) orang wakil kerajaan dan 27 orang awam. Kajian ini menghasilkan empat (4) penemuan utama yang boleh disimpulkan sebagai; jaringan atas talian berpotensi membantu interaksi antara ahli tetapi elemen utama seperti dicadangkan oleh konsep modal sosial seperti kepercayaan dan hubungan timbal balik telah di halangi oleh pelbagai faktor sosio-budaya. Keperluan berbeza ahli e-komuniti dan hakikat bahawa masyarakat masih dibelenggu modal budaya seperti kelas, identiti nasional, bahasa, agama dan cara hidup berbeza telah menghadkan perkembangan modal sosial di antara kelompok etnik. Justeru, mengaplikasikan konsep ini dalam konteks jaringan atas talian dan sosialisasi adalah suatu proses yang mencabar dan tidak menyakinkan.

Kata Kunci: Modal Sosial, Integrasi Sosial, Jaringan Atas Talian, E-Komuniti

ABSTRACT

This article empirically addresses the issues of social capital and national integration in a study of six (6) selected online communities in Malaysia. In brief, social capital shows a cooperative model where people work with an underlying basis that the more one knows the more ties one holds in connecting with community members. The changing nature of social relationships resulting from advances in today's new information and communication technology (ICT) has brought about the idea of applying this concept within the context of online communities. The main methods of data collection were online survey across 162 online community's members and interviews with eight (8) online community's administrators, two (2) governments' representatives and 27 random publics. The research yields four (4) important insights that can be concluded as the followings: online networking does facilitate interactions between members but most of the basic elements, as suggested by the concept of social capital, such as trust and norms of reciprocity have been

contested by various socio-cultural factors. The different needs served by online community members is much influenced by various cultural capitals such as class, national identity, languages, religion and different ways of life. These arguably is said to limit the way social capital can be developed across ethnic lines. Therefore, utilizing this concept in terms of online networking and socialization is challenging. Therefore, the future this new medium national integration across the younger generation is thus, remains questionable.

Keywords: *Social Capital, Social Integration, Online Networking, E-Community*

PENGENALAN

Isu integrasi kaum di Malaysia kekal menjadi polemik kebangsaan sejak sekian lama kesan perbezaan yang wujud dari perspektif budaya dan agama. Walau bagaimanapun, kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang membawa kepada pengenalan Internet dijangka berpotensi mengubah lanskap perpaduan ini ke arah yang lebih baik. Di Malaysia, perkembangan komuniti atas talian (e-komuniti) iaitu sekumpulan individu yang berinteraksi secara maya dalam Internet, bermula dan berkembang pesat sebaik sahaja Internet diperkenalkan dan digunakan secara meluas di negara ini. Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan untuk meneroka sama ada jaringan sosial yang terbentuk di atas talian berpotensi mewujudkan integrasi sosial dalam kalangan ahli dari latar belakang kaum yang berbeza khususnya Melayu, Cina dan India. Empat objektif kajian telah dibina sebagai asas penyelidikan. Objektif pertama bertujuan untuk membincangkan asas yang mendasari penggubalan dasar TMK negara dengan perhatian khusus diberikan kepada pertumbuhan dan pembangunan e-komuniti. Objektif kedua, ketiga dan keempat bertujuan untuk mengenalpasti potensi jaringan sosial atas talian ke arah pembentukan jenis modal sosial berbeza iaitu bonding atau bridging dalam konteks masyarakat pelbagai kaum. Hasil kajian dijangka dapat memberikan panduan yang komprehensif untuk menentukan sama ada medium ini mampu menyumbang kepada pendekatan baru integrasi sosial dan perpaduan negara terutama dalam kelompok generasi muda sebagai pengguna utama media sosial atau pun sebaliknya.

Jaringan Sosial, Integrasi Sosial dan Modal Sosial

Jaringan sosial, integrasi sosial dan modal sosial adalah tiga konsep yang mempunyai makna dan penjelasan yang berbeza. Walau bagaimanapun, prinsip utama kepada idea ini boleh diringkaskan kepada “perihal perhubungan” (Field, 2003 p.1; Siti Ezalia Mustafa & Azizah Hamzah, 2010)). Hubungan di antara manusia dalam kumpulan sosial bermula apabila seseorang individu atau kumpulan membina hubungan dengan orang lain di dalam ataupun di luar kalangan mereka. Dengan mencipta hubungan melalui beberapa siri jaringan, individu cenderung untuk berkongsi nilai yang sama dengan ahli yang lain dalam sistem jaringan ini. Rantai jaringan menghubungkan individu dengan individu lain yang secara lazimnya berbeza dari

segi identiti, kemampuan dan sumber. Melalui jaringan juga, individu yang saling berhubung berkongsi sumber yang dimiliki dan ini membantu mereka mencapai sesuatu yang tidak mampu dicapai secara bersendirian. Melalui perkongsian sumber (misalnya maklumat dan pengetahuan) untuk memenuhi keperluan bersama, setiap ahli dalam rantaian jaringan dikatakan membentuk “modal sosial” (Field, 2003; Either, 2004).

Dalam “Bowling Alone”, Putnam (2000) mendefinisikan modal sosial sebagai:

“...hubungan di antara individu – jaringan sosial dan norma timbal balik serta saling percaya yang wujud dalam kalangan mereka. Modal sosial boleh dikatakan sebagai satu ‘tanggungjawab bersama’ (p.19).

Putnam seterusnya memperkenalkan konsep “bridging” dan “bonding” dalam pengertian modal sosial. Bridging melambangkan norma timbal balik dan perkongsian identiti yang meluas sementara bonding lebih bersifat kekitaan dan tertutup (pp. 22-23). Tidak seperti bridging, modal sosial jenis bonding dilihat sebagai hubungan di antara individu yang lebih inklusif dan biasanya wujud dalam kalangan persanakan dan kumpulan sosial homogenus. Walaupun teori modal sosial boleh dikatakan masih tidak dapat disangkal, namun Putnam telah dikritik kerana gagal untuk mengambilkira golongan minoriti budaya sebagaimana yang menjadi fokus kepada kajian ini.

E-Komuniti dan Perkembangan Interaksi Atas Talian

Pengenalan kepada Internet dan kemunculan komunikasi melalui medium komputer telah membawa kepada persoalan bagaimana tren ini boleh memberi kesan kepada jaringan sosial manusia. Manuel Castells (2003), seorang sarjana Barat mencadangkan bahawa konsep konvensional jaringan sosial kini telah digantikan hampir sepenuhnya oleh jaringan informasi baru yang disokong oleh Internet. Kehidupan di era teknologi maklumat ini menyaksikan Internet sebagai satu medium yang memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang sosial kerana secara relatifnya ia menawarkan lebih fleksibiliti dalam proses pembentukan jaringan sosial. Selain itu, mod jaringan sosial atas talian boleh berlaku dengan kadar yang pantas, pada setiap masa dan pada skala global. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Castells (2003) manusia hari ini hidup dalam masyarakat baru iaitu “masyarakat jaringan” (p.2).

Masyarakat jaringan dikaitkan dengan kemunculan komuniti atas talian (e-komuniti) dan telah mencetuskan pelbagai perdebatan terutama mengenai pembentukan dan kesan interaksi sosial baru ini ke atas hubungan manusia. E-komuniti, kumpulan sosial baru yang wujud dalam reruang maya dikatakan mempunyai potensi untuk meningkatkan interaksi sosial ahlinya dan berfungsi sebagai kaedah efektif dalam mewujudkan modal sosial dalam komuniti (Schuler, 1996; Wellman, 1999). Secara definisinya, e-komuniti atau turut dikenali sebagai

komuniti maya atau komuniti siber diperkenalkan oleh Howard Rheingold (1994) sebagai:

“...sekumpulan individu yang pernah atau tidak pernah berjumpa secara bersemuka, dan saling berinteraksi di antara satu sama lain melalui papan buletin komuniti atau lain-lain jaringan” (p.57).

Menurut Rheingold lagi, banyak aktiviti yang dilakukan di dunia nyata boleh dilakukan dalam e-komuniti. E-komuniti dilihat sebagai ruang di mana kumpulan sosial ini berkongsi matlamat, minat atau memenuhi keperluan di antara satu sama lain. Berbeza dengan komuniti konvensional, ahli e-komuniti melakukan aktiviti secara maya dengan sokongan teknologi sepenuhnya.

Perkembangan e-komuniti telah menarik perhatian ramai pengkaji yang berminat untuk melihat hubungan di antara tren komuniti baru ini dan kesannya ke atas hubungan sosial manusia. Pengkaji optimis melihat interaksi sosial yang berlaku di atas talian akan membawa kepada interaksi secara bersemuka di antara ahlinya (Hampton & Wellman, 2001; Katz, 1988; Collin, et. al, 2011). Sebaliknya, pengkaji pesimis (lihat Kraut et al. 1998; Das & Sahoo, 2011; Pollet, et al., 2011) melihat kesan yang sebaliknya berlaku dalam kalangan ahli e-komuniti. Tinjauan kajian lepas mendapati bahawa, kebanyakan interaksi sosial yang berlaku di alam maya akhirnya akan membawa kepada hubungan berbentuk “bonding” (Cerulo, 1997; Norazah & T. Ramayah, 2014). Beberapa pengkaji lain seperti Jones (1999), Zuniga, et al. (2012) dan Church & Olivera (2013), turut menyokong dengan menyatakan bahawa e-komuniti kebanyakannya berjaya mewujudkan rasa sepunya dalam kalangan ahlinya. Parks (1995) dalam kajiannya terhadap 24 e-komuniti berbeza mendapati lebih 60 peratus subjek kajiannya telah berjaya membentuk hubungan inter-personal dengan seseorang yang baru saja dikenali dalam e-komuniti yang disertai.

Quan-Haase, et al. (2002) dalam kajian terhadap penggunaan Internet sebagai medium komunikasi di Kanada menjelaskan bahawa, kebanyakan aktiviti komuniti kini dilaksanakan secara atas talian. E-komuniti dilihat sebagai medium yang membantu ahlinya terutama golongan muda untuk meningkatkan kontak sosial. Kajian Hampton & Wellman (1999) serta Eimhjellen (2013) melalui projek e-kejiranan dan kesukarelawan mendapati jaringan hubungan yang terbentuk melalui Internet memberi kesan yang besar terhadap jaringan sosial ahlinya terutama dari segi penyertaan komuniti dalam aktiviti yang dianjurkan.

Beberapa kajian lain menumpukan kepada isu etnik atas talian termasuk komuniti pelbagai kaum dan penduduk multi nasional di bandar. Ferlander (2003) misalnya mengkaji e-komuniti yang melibatkan pelbagai etnik di kawasan pinggir bandar Stockholm yang didiami oleh sebahagian besar pendatang asing dan ibubapa tunggal berpendapatan sederhana dan rendah. Kajian beliau mendapati bahawa e-komuniti yang terbentuk dalam kalangan penduduk di situ telah berjaya mengukuhkan

jaringan sosial di antara mereka. Namun sebaliknya, kajian Merydyth et al. (2002) di e-komuniti Atherton Gardens, Australia yang didiami oleh 64 peratus imigran berbanding hanya 14 peratus penduduk tempatan mendapati bahawa “bridging capital” hanya wujud dalam praktis komunikasi tempatan sementara “bonding capital” kekal eksklusif kepada kumpulan etnik yang homogenus.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Enam (6) e-komuniti terlibat dalam kajian ini iaitu: USJ Subang Jaya (USJ), PJNet, VirtualFriends.Net, MalaysiaMAYA.com, Setia Alam Residential Association (SARA) dan FamilyPlace.com. Kesemua e-komuniti ini dipilih berdasarkan ciri-ciri bandingan yang sama seperti keahlian terbuka, laman web yang mapan dan aktif menjalankan aktiviti secara atas talian dan juga bersemuka. Secara umumnya, komuniti terpilih ini berada dalam tiga kategori berbeza. MalaysiaMAYA.com dan VirtualFriends.net merupakan e-komuniti yang dicipta untuk tujuan jaringan sosial. Komuniti ini dikenali sebagai “Social Networking Sites” (SNS) (Gangadharbatla 2009), sama seperti platform SNS lain seperti MySpace, Facebook, Tweeter dan Instagram. USJ dan SARA, berfungsi sebagai e-komuniti berasaskan kawasan kediaman. Dalam komuniti ini, ahli boleh membina papan bulletin mereka sendiri iaitu tempat di mana menyuarat atau forum dalam kalangan ahli boleh dilakukan di atas talian. Kategori ketiga adalah komuniti berasaskan minat atau hobi. Bagi komuniti ini, penyertaan adalah berasaskan perkongsian minat yang sama. FamilyPlace, merupakan satu-satunya e-komuniti yang berada dalam kategori ini dan ia dibina untuk ahlinya berkongsi apa sahaja isu atau informasi berkaitan hal ehwal keibubapaan dan anak-anak.

Kajian ini meneroka pandangan dan pengalaman lapan (8) pentadbir e-komuniti terpilih melalui temubual bersemuka dan tinjauan atas talian terhadap 162 orang ahli e-komuniti yang secara sukarela mengambil bahagian dalam kajian ini. Dua (2) orang wakil kerajaan dan 27 orang awam daripada latar belakang etnik dan kumpulan umur yang berbeza yang dipilih secara rawak turut ditemubual untuk mengukuhkan dapatan kajian. Analisis data memberikan satu pengalaman, persepsi dan pandangan yang pelbagai. Hasil analisis menemukan empat kesimpulan utama yang mendasari keseluruhan objektif kajian ini.

HASIL KAJIAN

Kesimpulan pertama mendapati bahawa pembinaan rangkaian sosial atas talian yang merentasi garis etnik dan kelompok umur berpotensi membentuk kedua-dua jenis ikatan modal sosial bonding dan bridging. Analisis tinjauan terhadap ahli e-komuniti menunjukkan bahawa, sebahagian besar ahli selesai membentuk jaringan atas talian bersama ahli e-komuniti lain yang terdiri dari pelbagai latar belakang sosio-ekonomi, kaum dan kumpulan umur. Lebih menarik apabila ada di antara ahli

yang berupaya membawa ikatan persahabatan atas talian ke dunia realiti terutama golongan muda. Ini menunjukkan fungsi e-komuniti sebagai medium efektif dengan potensi mewujudkan modal sosial jenis bridging yang merentasi sempadan kaum, umur dan latarbelakang sosial. Walaupun analisis dari ahli menunjukkan generalisasi yang lebih positif, pandangan dari pentadbir e-komuniti sebaliknya memberikan dapatan kajian yang lebih rencam. Enam e-komuniti terpilih berada dalam tiga jenis kategori berbeza berdasarkan analisis ikatan modal sosial. MalaysiaMAYA.com, SARA dan FamilyPlace.com adalah tiga e-komuniti yang berjaya menunjukkan kewujudan elemen bridging melalui kedua-dua aktiviti jaringan atas talian dan secara bersemuka. Dua e-komuniti lain iaitu USJ Subang Jaya dan PJNet cenderung menunjukkan interaksi dalam kalangan kumpulan etnik yang berbeza hanya berlaku di atas talian tetapi tidak dalam dunia sebenar. Sementara VirtualFriends.net membuktikan kedua-dua jenis aktiviti atas talian dan juga realiti hanya berjaya mewujudkan satu jenis ikatan modal sosial iaitu bonding yang melibatkan hanya kaum Melayu.

Kesimpulan kedua mencadangkan walaupun jaringan jenis bridging telah berjaya diwujudkan di atas talian (dalam kalangan ahli e-komuniti pelbagai kaum) namun ianya sukar dikekalkan apabila mereka berinteraksi di dunia sebenar. Sebagaimana yang diilustrasikan oleh dua e-komuniti; USJ Subang Jaya dan PJNet, usaha untuk mengekalkan keharmonian hubungan pelbagai kaum di alam maya tidak berjaya dilaksanakan melalui aktiviti yang dilaksanakan secara fizikal. Keadaan ini menyebabkan mereka gagal untuk mengekalkan integrasi dan modal sosial yang terbina merentasi garis kaum sebagaimana semasa berada di dunia maya. Dapatan kajian ini bertentangan dengan apa yang dicadangkan oleh kajian lepas (lihat sebagai contoh Balanchard & Horan, 2000; Hampton & Wellman, 2001) bahawa modal sosial dalam kalangan ahli komuniti biasanya akan menjadi lebih kuat apabila aktiviti di alam maya diteruskan di dunia realiti. Salah satu faktor yang telah dikenalpasti menjadi penyebab kepada kegagalan ini adalah isu penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas oleh sebahagian besar ahli dari kaum bukan Melayu (Cina dan India) telah menyebabkan etnik Melayu tidak berminat untuk menyertai mana-mana aktiviti yang dirancang di luar talian. Berdasarkan kes VirtualFriends.net yang sebahagian besar ahlinya adalah golongan belia kaum Melayu, penggunaan bahasa Melayu yang dominan di atas talian dan juga di dunia sebenar telah menjadi punca mengapa tidak ada penyertaan dari bangsa lain (Cina dan India) dalam komuniti ini.

Kesimpulan ketiga mencadangkan bahawa kepercayaan (trust) dan norma timbal balik (norms of reciprocity), dua kriteria lain dalam modal sosial adalah lemah dalam kalangan komuniti heterogenus walaupun dengan kewujudan medium jenis baru seperti e-komuniti. Kelebihan unsur 'anonymity' yang ditawarkan oleh komunikasi atas talian tidak memainkan peranan yang signifikan dalam mengintegrasikan ahli. Fakta bahawa manusia masih mengutamakan nilai interaksi bersemuka menunjukkan kepentingan unsur 'kepercayaan' sebagaimana yang dinyatakan oleh Fukuyama (1995; 25) sebagai "asas aturan sosial". Kajian

ini mendapati bahawa isu seperti kelas, jurang umur, identiti nasional, perbezaan budaya serta amalan agama yang berbeza menyebabkan wujudnya rasa kepercayaan yang terhad dalam kalangan ahli yang berbilang kaum terutama apabila mereka bertemu rakan komuniti maya di dunia nyata.

Kepercayaan adalah penting kerana ia menentukan kelangsungan hubungan sosial. Semasa membina hubungan untuk tujuan kerjasama mutual, mempunyai pengetahuan terhadap latarbelakang sosial dan budaya di antara satu sama lain adalah sangat penting. Oleh itu, kepercayaan diperlukan untuk memastikan dalam setiap kerjasama yang dibentuk, eksploitasi dan perasaan ragu-ragu tidak akan wujud. Kenyataan bahawa komuniti etnik di Malaysia yang berbeza cara hidup, kepercayaan dan persepsi telah menyukarkan perkembangan elemen kepercayaan sesama mereka. Oleh itu, hubungan yang lebih bermakna sukar untuk dicapai. Walaupun ahli dari kumpulan etnik berbeza mampu untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik di dunia maya, namun mereka masih menitikberatkan nilai interpersonal dan penilaian fizikal sebelum sesuatu kepercayaan diberikan kepada ahli dari kumpulan etnik yang lain.

Respon negatif terhadap pertemuan dan aktiviti fizikal di luar talian seperti dilaporkan berlaku pada e-komuniti USJ Subang Jaya dan PJNet menunjukkan bahawa modal sosial dalam masyarakat yang pelbagai dihadkan oleh faktor kurang percaya di antara satu sama lain. Penemuan ini mengesahkan kenyataan penyelidik terdahulu seperti Knack dan Keefer (1997) serta Alesina dan La Ferrara (2000) mengenai pembangunan modal sosial dalam masyarakat heterogenus. Mereka berpendapat bahawa individu atau kumpulan kaum dan umur cenderung untuk meletakkan lebih kepercayaan dan berasa selesa berinteraksi dengan orang yang serupa atau setaraf dengan diri mereka sahaja. Dalam komuniti etnik campuran seperti Malaysia, setiap kumpulan berpotensi untuk mengembangkan hubungan sosial yang kuat dan kepercayaan umum dalam kalangan mereka sendiri. Keadaan ini berupaya mengukuhkan satu bentuk ikatan modal sosial yang lebih berbentuk bonding berbanding bridging. Keadaan ini seterusnya akan membawa kepada perilaku membezakan ahli daripada kumpulan lain, mencerminkan kesangsian umum terhadap orang lain yang membawa kepada kekangan dalam pembentukan modal sosial (Portes, 1998).

Jaringan sosial atas talian sepatutnya dilihat sebagai sebahagian daripada alternatif berkesan untuk membentuk hubungan dan norma dalam dunia moden. Ia juga dilihat berpotensi untuk membolehkan ahli masyarakat terutama generasi muda mencapai matlamat bersama serta berfungsi untuk mengikat masyarakat secara lebih berkesan. Walau bagaimanapun, berdasarkan dapatan kajian ini, ia ternyata belum berupaya menjadi satu medium yang sesuai untuk meningkatkan interaksi antara kumpulan etnik dan kelompok umur berbeza khususnya di Malaysia. Hal ini kerana, norma timbal balik dan kepercayaan yang sememangnya berlaku dan berkembang di atas talian telah terganggu oleh unsur-unsur modal budaya apabila ia dipanjangkan ke dunia sebenar. Oleh itu, kewujudan komuniti atas talian di

Malaysia boleh dikatakan hanya berupaya membantu untuk menarik ahli dari kumpulan etnik dan umur yang berbeza untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain, tetapi tidak ke tahap mencapai integrasi social yang lebih mendalam. Dalam sesetengah keadaan, integrasi kaum dan strata sosial berjaya dibentuk tetapi lebih kepada jenis modal sosial yang wujud hanya dalam kalangan kumpulan 'etnik tertentu'. Umumnya, walaupun ia memberikan satu dimensi baru kepada aspek perpaduan sosial, realitinya ia tidak menyediakan asas yang kukuh untuk mendokong aspirasi negara bagi mengintegrasikan ketiga-tiga komuniti etnik.

Jadual 1: Tiga (3) Bentuk Sosialisasi Etnik dan Jaringan Sosial Yang Wujud Dalam Enam (6) E-Komuniti Terpilih

Bentuk	Keterangan	E-Komuniti
#1	Semua etnik melibatkan diri dan berinteraksi dalam aktiviti atas talian dan di luar talian.	FamilyPlace.com, SARA dan MalaysiaMAYA.com
#2	Semua etnik berinteraksi di atas talian tetapi hanya etnik tertentu turut serta dalam aktiviti di luar talian.	PJNet dan USJ Subang Jaya
#3	Hanya etnik tertentu mendominasi aktiviti di atas dan di luar talian.	VirtualFriends.net

Hujah utama dalam kajian ini adalah, peranan e-komuniti dalam konteks masyarakat berbilang kaum boleh dilihat dari dua sudut berbeza; pertama sebagai saluran untuk kerjasama sosial dan kedua, ia juga berpotensi sebagai medium baru bagi menggalakkan polarisasi etnik. Berikut adalah pandangan responden awam terhadap potensi dan masa depan e-komuniti dalam talian dalam konteks hubungan kaum di Malaysia.

“Malaysia belum bersedia untuk mengintegrasikan rakyat melalui komuniti atas talian. Ia akan mengambil masa yang lama untuk menjadikannya berjaya. Bagi saya, walaupun berada dalam e-komuniti, mereka masih dengan kumpulan-kumpulan mereka sendiri. Saya masih belum melihat masyarakat berbilang kaum dalam interaksi e-komuniti. Mereka ada keutamaan mereka sendiri, kumpulan mereka sendiri. Walaupun Cina, mereka bahkan mempunyai kumpulan ras yang berbeza-beza, Hokkien misalnya. Saya fikir keadaan akan menjadi lebih sukar kerana mereka yang berinteraksi di atas talian adalah sangat tidak boleh dipercayai. Mereka tidak bersemuka dengan orang lain, maksud saya, mereka bebas untuk berkata apa sahaja yang mereka mahu. Saya melihat Malaysia cenderung untuk menjadi masyarakat palsu! Katakanlah mereka berjaya bersemuka, namun untuk sampai ke tahap integrasi kaum, tidak mungkin, saya tidak fikir ia akan berlaku. Saya tidak

mempunyai data atau statistik tetapi saya tidak fikir begitu!

(Lelaki India, 39)

“Saya fikir mencari dan mempunyai kawan-kawan dalam kehidupan yang sebenar adalah lebih baik daripada atas talian kerana ia boleh menjadi sangat berbahaya! Saya tidak suka memikirkan perkara ini kerana menerusi Internet kita tidak tahu identiti sebenar mereka. Kalaupun saya menemukan rakan atas talian, ia mungkin akan terhad kepada komunikasi semata-mata, tidak akan ada pertemuan bersemuka. Ia menakutkan!”

(Wanita Cina, 18)

“Hubungan Internet adalah berbeza daripada hubungan nyata. Bagi saya, ia tidak akan sama sampai bila-bila. Integrasi etnik mungkin boleh berlaku melalui komuniti atas talian tetapi ahli mesti menunjukkan komitmen yang tinggi untuk tujuan ini. Seperkara lagi, persepsi terhadap rakan atas talian apabila berkomunikasi dan berinteraksi di atas talian dan juga di dunia sebenar mestilah sama. Barulah integrasi boleh berlaku.”

(Lelaki Melayu, 25)

“Walaupun dalam masa 10 tahun akan datang saya fikir ia masih tidak akan berubah. Terpulang kepada mereka sama ada mahu menyertai komuniti atas talian atau tidak. Realitinya, semua orang ada kumpulan rakan mereka sendiri di dunia sebenar. Walaupun ada rakan atas talian, mereka hanya masuk sekejap untuk chit chat, say hi and bye, memberikan beberapa pendapat dan selepas itu mereka kembali kepada rakan mereka yang sebenar.”

(Lelaki India, 34)

Kesimpulan keempat berkisar tentang pemahaman umum terhadap dasar-dasar baru dan perubahan sosial di Malaysia. Penggubalan dasar TMK oleh Kerajaan boleh dilihat sebagai satu pelan tindakan yang menyediakan garis panduan berguna dalam kejuruteraan sosial moden negara. Kerajaan melihat TMK sebagai agen yang berkesan yang boleh mengubah masyarakat ke arah yang lebih baik. Walau bagaimanapun, seperti yang ditegaskan oleh Banarjee (2004), proses kejuruteraan sosial sentiasa berhadapan dengan pelbagai sentimen dan cabaran negatif. Sama ada kita setuju atau tidak, proses tersebut adalah penting untuk survival negara. Terkecuali daripada arus gelombang transformasi akan turut menyisihkan negara dan bangsa dari arus ekonomi global dan kebudayaan (Castell, 1996). Walaupun harapan untuk membina hubungan baik antara kaum terutama dalam kalangan generasi muda melalui medium ini masih tidak menampakkan harapan, keperluan dan peranan TMK untuk mengekalkan kestabilan sosial tidak boleh dinafikan. Norma timbal balik dan perkongsian pengetahuan adalah penting untuk turut serta dalam arus dunia global hari ini. Di samping itu, peningkatan budaya ilmu dan

perkongsian maklumat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini adalah satu petanda yang menjanjikan sesuatu yang positif untuk negara dalam membantu usaha mencapai status negara maju dan memperkembangkan sektor ekonomi dan masyarakat berpengetahuan di masa akan datang.

PENUTUP

Analisis kajian secara keseluruhannya mencadangkan bahawa integrasi sosial agak sukar direalisasikan melalui jaringan atas talian. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan kajian ini di masa akan datang. Hal ini kerana kebanyakan isu yang dibincangkan dalam kajian ini tidak dapat diterokai sepenuhnya kerana skop kajian hanya membenarkan sebahagian sahaja proses penerokaan berlaku.

Modal budaya muncul sebagai entiti yang memainkan peranan penting dalam pembentukan jenis modal sosial yang seterusnya menentukan integrasi sosial. Scanlon (2004) mencadangkan bahawa modal sosial menjadi bermasalah apabila ia berada terasing dari tanggapan masyarakat yang lebih asas seperti persoalan mengenai kelas, kumpulan umur, jantina dan kumpulan etnik berbeza yang sememangnya memberi kesan kepada hubungan sosial. Seperti yang ditunjukkan dalam kajian ini, kegagalan untuk menggalakkan modal sosial jenis bridging dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, terutama di antara kaum Melayu dan bukan Melayu menyokong idea bahawa unsur-unsur kepercayaan dan norma timbal balik yang wujud hanya di atas talian tidak cukup untuk mengukuhkan modal sosial. Oleh itu, penyelidikan yang lebih mendalam ke atas kedinamikan modal budaya dan hubungannya dengan pembentukan modal sosial dalam komuniti atas talian amat diperlukan di masa akan datang. Satu kajian baru perlu dipertimbangkan agar penyelidikan terhadap individu dan kumpulan secara lebih mendalam dilakukan terhadap salah satu atau lebih e-komuniti yang telah dikaji dalam kajian ini. Temubual bersama pentadbir dan peserta perlu dibuat dengan lebih terperinci misalnya dengan mengambil bahagian dalam aktiviti atas talian, penyelidik boleh meningkatkan pemahaman dengan lebih mendalam tentang isu-isu yang timbul dalam penyelidikan semasa.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hanya dengan memberikan individu atau kumpulan orang satu teknologi baru dan alat komunikasi canggih tidak bermakna ia boleh merubah segala-galanya. Sebaliknya, teknologi hanya boleh berfungsi sebagai alat untuk memenuhi keperluan tertentu manusia. Banyak perkara lain dalam kehidupan manusia tidak dapat diselesaikan semata-mata melalui teknologi kerana manusia masih lagi terikat dengan amalan budaya yang kuat. TMK, walaupun telah menjadi bahagian yang semakin penting dalam kehidupan manusia, masih tidak mampu menjadi penyelesaian segera kepada isu-isu berkaitan kaum, bahasa, agama dan budaya di negara ini. Kumpulan etnik yang berbeza kekal dengan sentimen perkauman berasaskan etnik mereka sendiri kerana masih

ketara mereka dipengaruhi oleh andaian budaya yang berbeza. Oleh itu, walaupun wujudnya peningkatan penggunaan dalam TMK, syak wasangka antara kaum dan ketegangan masih dominan dan menjadi penghalang utama dalam usaha untuk memupuk perpaduan negara dan integrasi sosial di sepanjang garis etnik di negara ini.

Melihat kepada hakikat bahawa Kerajaan sedang berusaha mentransformasikan masyarakat ke tahap yang lebih maju, persoalan bagaimana teknologi boleh menyumbang kepada pembentukan identiti kebangsaan dan penyebaran pengetahuan baru dalam kalangan generasi muda masih kekal menjadi tanda tanya. Pengenalan terhadap pelbagai agenda dan lebih banyak pelaburan dilakukan ke atas infrastruktur TMK dilihat sebagai sumbangan penting untuk meluaskan pemahaman dan membolehkan masyarakat terus berada dalam arus perdana dunia global hari ini. Walau bagaimanapun, ini dilihat tidak mencukupi kerana kemajuan teknologi tanpa kesedaran tentang pentingnya pengaruh faktor sosial dan budaya boleh mewujudkan keraguan terhadap impaknya kepada masa depan bangsa dan negara.

RUJUKAN

- Alesina, A. & La Ferrara, E. 2000. Participation in Heterogeneous Communities. *The Quarterly Journal of Economics*, 115(3), pp. 847-904.
- Banarjee, I. 2004. *Cyber Democracy in Asia: Issues, Challenges and Prospect*. In Steven, G., James, G. and Johannsen, U. (Eds), *Asian Cyberactivism: Freedom of Expression and Media Censorship*. Bangkok: Friedrich Naumann Foundation.
- Blanchard, A. and Horan, T. 2000. Virtual Communities and Social Capital. In G.D. Garson. (Ed), *Social Dimension of Information Technology: Issue for the New Millennium*. Hershey, Penn: Idea Group Publishing.
- Castells, M. 1996. *The Rise of the Network Society*. London: Blackwell Publishers Ltd.
- Castells, M. 2003. *The Internet Galaxy: Reflections on the Internet, Business, and Society*. New York: Oxford University Press.
- Cerulo, K. A. 1997. Reframing Social Concepts for a Brave New (Virtual) World. *Sociological Inquiry*, 67(1), pp. 48-58.
- Church, K. & Oliveiram R. 2013. What's up With WhatsApp? Comparing Mobile Instant Messaging Behaviours with Traditional SMS. *Mobile HCI 2013- Collaboration & Communication*.

- Collin, P., Rahilly, K., Richardson, I. & Third, A. 2011. The Benefits of Social Networking Services: A Literature Review. Cooperative Research Centre for Young People. Technology and Wellbeing, Melbourne.
- Das, B. & Sahoo, J. 2011. Social Networking Sites – A critical Analysis of Its Impact on Personal and Social Life. *International Journal of Business and Social Science*, 2(14), pp. 222-228.
- Eimhjellen, I.S. 2013. Internet Communication: Does it Strengthen Local Voluntary Organizations? *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 43(5), pp. 890-909.
- Ethier, J. 2004. Current Research in Social Network Theory. *Information, Communication & Society*, 9(2), pp. 160-181.
- Ferlander, S. 2003. The Internet, Social Capital and Local Community. Ph.D. Thesis, Stirling, United Kingdom.
- Field, J. 2003. *Social Capital*. London: Routledge.
- Fukuyama, F. 1995. *Trust: The Social Virtues and the Creation of Prosperity*. London: Hamish Hamilton.
- Gangadharbatla, H. 2009. Individual Differences in Social Networking Site Adoption in C. Romm, L & K.S.Hershey (Eds.), *Social networking communities and e-dating services: concepts and implications*. New York: Information Science Reference.
- Hampton, K. & Wellman, B. 1999. Long Distance Community in the Network Society. *American Behavioural Scientist*, 45(3), pp. 476-495
- Hampton, K.N & Wellman, B. 2001. The Not So Global Village of Netville in B. Wellman & C. Haythornthwaite (Eds.), *The Internet in Everyday Life*. Oxford: Blackwell Publisher Ltd.
- Jones, S. 1999. *Doing Internet Research: Critical Issues and Methods for Examining the Net*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Katz, R.L. 1988. *The Information Society: An International Perspective*. New York; Westport, Connecticut; London: Praeger
- Knack, S. & Keefer, P. 1997. Does Social Capital Have an Economic Payoff? A Cross-Country Investigation. *Quarterly Journal of Economics*, 112(4), pp. 1251-88.

- Kraut, R., Patterson, M., Lundmark, V., Kiesler, S., Mukophadhyay, T, Scherlis, W. 1998. Internet Paradox: A Social Technology That Reduces Social Involvement and Psychological Well-being? *American Psychologist*, 53(9), pp.1017-1031.
- Merydyth, D., Hopkins, L., Ewing, S. & Thomas, J. 2002. Measuring Social Capital in a Networked Housing Estate, *First Monday*, 7(10)., View 27 October 2007. http://131.193.153.231/www/issues/issue_7_10/meredyth/
- Norazah, M.S. & Ramayah, T. 2014. Penerimaan dan Penggunaan Sistem Instant Messaging di kalangan Mahasiswa. *Sains Humanika*, 2(1), pp. 95-100.
- Parks, M.R & Floyd, K. 1995. Making Friends in Cyberspace. *Journal of Computer Mediated Communication*. Retrieved From <http://cwis.usc.edu/dept/annenber/vol11/issue4/parks.html>.
- Pollet, T. V., Roberts, S.G.B. & Dunbar, R.I.M. 2011. Cyberpsychology, Behaviour and Social Networking. 14(4), pp. 253-258.
- Portes, A. 1998. Social capital: Its Origins and Applications in Modern Sociology. *Annual Review of Sociology*, 24, pp. 1-24.
- Putnam, R. 2000. *Bowling Alone*. New York: Simon and Schuster.
- Quan-Haase, A., Wellman, B., Witte, J.C & Hampton, K.N. 2002. Capitalizing on the Net – Social Contact, Civic Engagement, and Sense of Community in B. Wellman and C.Haythornthwaite (Eds.). *The Internet in Everyday Life*. Oxford: Blackwell Publisher Ltd. 292-324.
- Rheingold, H. 1994. *Virtual community: Finding Connection in a Computerised World*. London: Secker & Warburg.
- Scanlon, C. 2004. What's Wrong With Social Capital? *Blue Book No. 8*; Australian Fabian Society Pamphlet No. 63, Arena Publications, February-March: BB1-BB12.
- Schuler, D. 1996. *New Community Network: Wired for Change*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Siti Azaleila, M. & Azizah H. 2010. Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 2(12), pp. 37-52.

- Wellman, B. 1999. The Network Community: An Introduction in B. Wellman (Ed.), Networks in the global village. pp. 1-48. Boulder, Colorado: Westview Press.
- Zuniga, H.G., Nakwon, J. & Valenzuela, S. 2012. Social Media Use for News and Individuals', Social Capital, Civic Engagement and Political Participation. Journal of Computer Mediated Communication, 17, pp.319-336.

Profil Penulis

Wan Munira Wan Jaafar, PhD.

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang Selangor

wanmunira@upm.edu.my